

MELAYU MASIH DIPERSIMPANGAN?

Era Baru - 30/6/2006

DALAM beberapa artikel yang saya tuliskan sebelum ini, persoalan atau isu yang melibatkan orang Melayu sentiasa menjadi focus utama dan berupa bahan menarik kerana ia menyentuh berbagai-bagai aspek sama ada di dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan budaya yang sejak akhir-akhir ini seolah-olah menggambarkan baha wa masalah-masalah orang Melayu sentiasa menjadi perhatian.

Menyerusi pemerhatian yang kemudiannya saya cetuskan di dalam beberapa rencana lalu, smemangnya agenda memperjuangkan hak dan masa depan orang Melayu di Negara ini sentiasa menjadi keutamaan kerana isu yang melibatkan permasalahan orang Melayu menjadi agenda perjuangan semua pihak, terutamanya pemimpin UMNO dan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, yang mana parti UMNO menjadi tulang belakang.

Justeru itu, dalam rencana saya kali ini, saya cuba menarik perhatian bahawa maalah sosial adalah satu masalah besar yang berterusan menjadi beban kepada pihak kerajaan dan juga UMNO, yang menjadi tempat beruang majoriti orang Melayu manakala kes-kes sosialnya pula paling banyak melibatkan anak-anak muda Melayu terutamanya remaja belasan tahun atau yang sepatutnya berada di alam persekolahan untuk menimba ilmu, sebagai bakal untuk masa depan.

Kerana itu, apabila ada fakta-fakta atau perengatan yang dikeluarkan oleh pihak tertentu bahawa jumlah remaja Melayu melampaui kaum lain dalam kes pelanggaran social dan keruntuhan akhlak, maka ada pihak menuding jari kononnya kesalahan itu berpunca daripada sikap kerajaan yang memerintah khususnya UMNO yang tidak bertanggungjawab untuk membina insan mulia, sebaliknya kerajaan didakwa hanya menyogokkan pelbagai bentuk hiburan dan budaya moden untuk anak-anak muda sehingga mereka menjadi lalai dan hanyut di bawa arus permodenan.

Malah setiap hari kita boleh membaca pelbagai laporan berita di akhbar-akhbar atau di kaca televisyen mengenai bagaimana seorang gadis Melayu di tahan pihak berkuasa kerana di dakwa berkahwin dengan pemuda bukan Islam, seorang penganggur Melayu dikenakan hukuman gantung sampai mati kerana mengedar dadah, seorang pelajar Melayu di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dikesan menjadi GRO, seorang pemuda Melayu diheret ke mahkamah kerana didakwa pecah amanah, seorang artis Melayu popular dilihat mabuk di pusat hiburan dan bermacam-macam dan kesemua perlakuan itu secara jelas membuktikan remaja Melayu sudah rosak akhlak dan moralnya.

Dalam hal ini, siapa yang sepatutnya dipersalahkan? Remaja Melayu atau pihak kerajaan yang sepatutnya dipertanggungjawabkan di atas perlakuan negatif itu, atau ibu bapa yang seharusnya dipersalahkan kerana membiarkan anak-anak mereka menjadi liar, ataupun persekitaran sekeliling yang merangsang remaja Melayu untuk menjadi remaja yang tidak senonoh ataupun pengaruh budaya barat tanpa sekatan dan kawalan menjadi penyebab utama yang membawa kepada runtuhnya akhlak remaja Melayu.

Persoalannya, apakah tidak ada bangsa lain, yakni bukan Melayu, yang juga turut terbit dengan gejala tidak sihat itu? Apakah tidak ada remaja bukan Melayu yang menjadi GRO? Apakah tidak ada langsung perempuan bukan Melayu yang terjebak dengan kes pelacuran? Apakah kita tidak pernah dengar ada pemuda bukan Melayu yang menjadi 'bapa ayam' dan pengedar dadah? Apakah tidak ada remaja bukan Melayu yang kerjanya adalah kaki pukul atau ketua kongsi gelap?

Tetapi yang malangnya, akhbar-akhbar nasional seolah-olah dilihat seperti sengaja untuk membesar-besarkan isu keruntuhan akhlak dan salah laku remaja Melayu sehingga menjadi laporan berita utama. Kenapa ianya terjadi sedemikian rupa yang kesudahannya memberi aib kepada bangsa Melayu itu sendiri. Saya tidak mempersoalkan kewajaran akhbar berkenaan berbuat demikian kerana sekurang-kurangnya mampu memberikan kita kesedaran, tetapi yang dikhuatiri ialah laporan yang memberi gambaran buruk kepada orang Melayu itu akan dianggap sebagai satu kebiasaan dan lumrah yang akhirnya turut memberikan tafsiran kepada masyarakat umum bahawa untuk mengenafi budaya Melayu adalah berdasarkan kepada sikap ganas, moral yang buruk dan tidak ada harga diri!

Begitu juga dalam aspek budaya dan adat resam Melayu hari ini. Kita dapat lihat seolah-olah budaya Melayu semakin terhakis akibat arus kemajuan dan pembangunan pesat. Malah budaya dan nilai-nilai kesopanan Melayu itu seperti dengan sengaja diketepikan oleh orang Melayu sendiri kerana alasannya budaya Melayu sekarang sudah ketinggalan zaman, tidak sesuai dengan kehidupan moden dan boleh diguna pakai lagi dalam memacu kehidupan yang serba nencabar dewasa ini.

Apabila akhlak dan moral sudah menjadi rosak dan seumpama rirus, ianya akan merebak dan menjadi lebih parah apabila turut memusnahkan nilai-nilai budaya Melayu yang ratusan tahun menjadi kebanggaan kita. Peninggalaan khazanah Melayu yang tebal dengan nilai-nilai Timur yang bersandikan kepada ajaran Islam yang mulia, yang kita warisi sejak sekian lama, akan menjadi rapuh yang emudiannya hancur, yang kesannya akan melenyapkan kekuatan orang Melayu.

Banyak persoalan yang akan berbangkit daripada fenomena tersebut yang mencetuskan soalan siapa yang bertanggungjawab

dan kepada siapa yang hendak kita pertanggungjawabkannya. Justeru itu, pada hemat saya apabila ianya dikaitkan dengan masalah orang Melayu, maka mahu tidak mahu UMNO, sebagai parti yang memperjuangkan hak dan ketuanan Melayu sejak 60 tahun lalu, perlu dan wajib memainkan peranan yang lebih agresif, pro-aktif dan berani untuk menjadi juara dalam situasi tertentu, agar orang Melayu tidak dipandang sinis dan orang Melayu tidak diperlekehkan di tanahairnya sendiri.

Dalam hal ini, saya bersetuju dengan saranan Ketua Pergerakan UMNO Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein ketika melancarkan penubuhan Putera UMNO di Melaka tidak lama dulu, yang di antara lain mengingatkan generasi muda Melayu bahawa kekuatan bangsa dan maruah negara terletak dibahu mereka dan mereka akan menjadi satu barisan pelapis yang kuat dan dihormati jika mereka kekal dengan nilai budaya yang unggul dan memiliki jati diri yang tinggi.

Saya melihat Hishammuddin dalam memperkasakan halatuju barisan pemuda sentiasa memberi pesan kepada pemuda UMNO supaya jangan sesekali tergelincir daripada matlamat asas perjuangan parti yang sentiasa mendukung budaya orang Melayu dalam apa juga keadaan kerana budaya Melayu adalah wadah sebenar perjuangan untuk menegakkan maruah bangsa dan membina tamadun negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sehubungan itu, saya ingin menarik perhatian bahawa barisan kepimpinan Pemuda UMNO sebagai benteng hadapan kekuatan UMNO perlulah merealisasikan saranan dan penghayatan Hishammuddin untuk dijadikan teras mengukuhkan halatuju perjuangan sejati untuk membela orang Melayu, bukannya sekadar menjadi peridokong untuk mencari peluang dan kesempatan bagi memenuhi tuntutan hawa nafsu keibendaaan. Saya mengingatkan demikian kerana sejak kebelakangan ini sudah kedengaran pelbagai sindiran, kecaman dan tohmahan bahawa segelintir ahli Pergerakan Pemuda UMNO sebenarnya tidak tahu apa itu makna sebuah perjuangan, tetapi sekadar berjuang di bawah bendera UMNO untuk mencari peluang-peluang yang boleh memberi kesenangan dan kehidupan mewah.

AKTIVITI

Arah tuju perjuangan pemuda hari ini seharusnya lebih realistik untuk menangani pelbagai kemelut dan permasalahan yang melanda remaja Melayu khususnya yang berkaitan dengan gejala akhlak dan moral, kefirisan budaya dan fenomena nilai diri. Pemuda UMNO seharusnya menjadi juara untuk merangka pelbagai program bersepadu untuk mencari jalan bagaimana cara bagi menubung gejala-gejala negatif yang memabatkan remaja Melayu. Pemuda UMNO harus lebih berani untuk muncul sebagai 'penyelamat' kepada anak-anak muda Melayu yang sudah hilang pedoman, dengan lebih kerap mengadakan aktiviti sehingga di peringkat akar umbi.

Sebagai contohnya, saya bersetuju dengan Pergerakan Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan pimpinan Datuk Norza Zakaria yang telah mengadakan program 'Anti Dadah' secara besar-besaran. Program seperti itu saya percaya akan memberi kesedaran kepada remaja untuk menjauhi najis dadah. Bagaimanapun pada hemat saya, program yang murni itu seharusnya disasar atau dilibatkan dengan kumpulan sasarannya, iaitu penagih dadah itu sendiri yang masih menjadi penyakit besar kepada masyarakat Kuala Lumpur. Pemuda UMNO perlu turun ke sarang-sarang atau lokasi yang dikenal pasti sebagai sarang dadah. Cara itu-rasa lebih relevan dan berkesan jika kita mempunyai semangat dan keinsafan, malah cara itulah yang sepatutnya dilakukan jika kita benar-benar ingin mneyelamatkan anak muda Melayu.

Selain usaha membanteras gejala penagihan dadah, Pemuda dan Puteri UMNO rasanya lebih bijak jika turun padang ke pusat-pusat hiburan untuk memberi penerangan secara jelas dan berhemah kepada anak-anak muda Melayu betapa ruginya mereka yang sudah lalai dan asyik dengan budaya negatif tersebut. Memang bunyinya agak keterlaluan, tetapi itulah cara terbaik jika Pemuda dan Puteri ingin menyelamatkan anak bangsa mereka sendiri.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein supaya mengadakan kempen 'Anti-Arak', seperti mana kerajaan bersungguh-sungguh melancarkan kempen 'Anti-Dadah' dan 'Tak Nak' kepada rokok. Kempen 'Anti-Arak' perlu dilakukan kerana banyak anak-anak muda telah terbit dengan minuman keras dan berlaku di tempat-tempat terbuka dan awam, seperti mana yang sering dipaparkan di kaca televisyen dan akhbar-akhbar. Malah amat menyedihkan, anak-anak muda Melayu juga mula menjadi liar akibat ketagihan minuman keras.

Perlu diingatkan bahawa antara arak, dadah dan rokok adalah perkara yang mendatangkan musibah dan ditegah oleh agama Islam.

Isu politik melibatkan pemimpin Melayu juga berterusan menjadi topik yang sentiasa mendapat perhatian orang ramai. Pemimpin politik khususnya pemimpin UMNO sering diberikan keutamaan dalam apa jua laporan. Kerana itu, apa sahaja isu yang melibatkan pemimpin UMNO, sudah pasti akan menarik perhatian masyarakat untuk memperkatakannya. Saya mengambil contoh bagaimana sikap sesetengah pemimpin UMNO yang dikatakan 'menyerang' bekas Perdana Menteri yang kita kasini, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung dua isu besar sebelum ini, iaitu isu pengagihan Permit Import (AP) kereta dan jambatan bengkok Johor-Singapura yang sudah dibatalkan pembinaannya oleh kerajaan.

Tun Dr. Mahathir diserang bertubi-tubi dan akhbar arus perdana menjadi gelanggang untuk 'membasuh' bekas Perdana Menteri itu, seolah-olah Tun Dr. Mahathir tidak perlu lagi dihormati. Kenapa budaya menghentam pemimpin UMNO yang sudah bersara dijadikan sebagai satu berita utama. Apakah kita sudah melupai akan segala jasa, pengorbanan dan usaha besar Tun Dr. Mahathir selama 22 tahun yang membangunkan Malaysia dan rakyat jelata. Apakah kerana sedikit kesilapan Dr. Mahathir 'bercakap', maka kita sepatutnya menghukum beliau dengan pelbagai kecaman dan sindiran tajam yang boleh melukai hati dari perasaan beliau.

Budaya politik yang tidak sihat seperti ini sepatutnya kita elakkan agar rakyat khususnya anak-anak muda sentiasa menghormati pemimpin besar yang berjasa kepada negara dan rakyatnya. Kita sendiri pernah melihat bagaimana ketika Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, banyak pemimpin UMNO berebut-rebut untuk bersalam dan mencium tangan beliau, dan hari ini apabila beliau bersara, katakan tangan, muka beliau pun sudah tidak mahu dipandang lagi. Nasib yang menimpa Tun Dr. Mahathir ini barangkali juga akan menimpa kepada Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, apabila beliau bersara kelak. Hari ini, banyak pemimpin UMNO akan mencium tangan Pak Lah, entah esok lusa, jasa dan kelibat Pak Lah pun akan dilupai oleh orang UMNO.

Inilah gejala negatif yang sudah berlaku dalam budaya Melayu. Pemimpin UMNO yang berketurunan Melayu sendiri yang seperti mengajar anak-anak muda Melayu supaya tidak menghormati orang yang lebih tua daripada kita. Amalan buruk ini tidak sepatutnya berlaku kepada UMNO kerana UMNO adalah cermin kepada bangsa Melayu yang berhemah dan bersopan-santun.

Dalam tulisan saya sebelum ini, ada saya cadangkan diadakan satu hari bagi memperingati Hari Veteran UMNO bagi mengenang segala jasa, pengorbanan dan penat jerih bekas-bekas ahli UMNO yang telah berjuang untuk mendaulatkan tanahair, agama dan bangsa sejak sebelum merdeka sehingga UMNO meniti usia ke-60 tahun, yang kita rayakan di Johor Bharu, 11 Mei yang lalu. Saya imbasikan semula cadangan itu kerana kita baru sahaja kehilangan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Ghafar Baba yang telah kembali ke rahmatul lah baru-baru ini.

Seingat saya, ketika beliau terlantar sakit di hospital, jarang ada pemimpin UMNO yang menjenguk beliau, jarang ada pemimpin muda UMNO yang menziarahi beliau yang uzur, dan ketiadaan Tun Ghafar yang sakit dan uzur itu langsung tidak dihebahkan oleh pihak media, cuma sekali-sekala sahaja, malah beliau juga memberi tahu tiada pemimpin-pemimpin parti dari kerajaan dan rakan-rakan beliau yang datang menziarahinya, apatah lagi daripada pemimpin-pemimpin muda UMNO.

Tetapi, apabila beliau meninggal dunia, berbagai-bagai kata pujian, sanjungan dan kata-kata manis yang dicurahkan kepada Tun Ghafar. Semua laporan memuji beliau sebagai pejuang UMNO dan bangsa. Tun Ghafar dianggap sebagai pemimpin yang berjiwa rakyat. Tetapi, selepas kata-kata manis dan pujian berlebihan itu, apa yang Tun Ghafar dapat? Sekadar memori silam untuk dikenang oleh generasi akan datang, sebagai salah seorang bekas pemimpin besar UMNO yang tenggelam dalam kerakusan kuasa politik, yang kini kekal bersemadi di Makam Pahla wan. Inilah gejala budaya yang melanda UMNO yang perlu kita ubah.

Pemimpin UMNO perlu bertindak untuk mengembalikannya semula budaya Melayu yang tulin yang tidak terperangkap dengan unsur-unsur luaran, mengembalikannya budaya Melayu yang ada harga diri dan bermaruah. Jika budaya Melayu tidak disegarkan semula dalam arus perjuangan UMNO, saya bimbang kelak UMNO akan menjadi sebuah parti yang tidak mempunyai kekuatan sejati. UMNO tidak memiliki barisan pejuang yang benar-benar tulin dan bermaruah untuk mengangkat martabat bangsa.

Saya sudah tentunya bersetuju dengan pendekatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah bahawa pembangunan modal insan adalah aspek terpenting dalam teras memajukan negara dan bangsa yang berkualiti, kerana sekarang ini pada hakikatnya orang Melayu masih berada di persimpangan, di antara moral dan harga diri. Moral dan harga diri itulah yang sebenarnya akan menjadi nilai-nilai budaya unggul.



Ditulis oleh:
Hisham Shah Idris



Tun Dr. Mahathir Mohamad



Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein